

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HMT 329 – Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa Di Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan **Bahagian A** adalah WAJIB dijawab. Bagi **Bahagian B**, jawab mana-mana SATU soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 5 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A

1. Dengan contoh-contoh yang sesuai, nyatakan perbezaan dan persamaan antara klasifikasi genetik dan klasifikasi tipologi bagi bahasa-bahasa sedunia dari sudut [a] tujuan, [b] pendekatan serta [c] generalisasi/implikasi pendekatan.

[15 markah]

2. Jawab [a] DAN [b].

- [a] Nyatakan lima langkah-langkah yang harus diambil dalam menentukan urutan kata asas bagi satu-satu bahasa berserta dengan contoh yang sesuai.

[10 markah]

- [b] Gunakan maklumat di **DATA 1** untuk menentukan urutan kata asas bagi bahasa-bahasa berikut untuk analisis awal. Nyatakan jika terdapat kekangan dalam penentuan urutan kata asas.

[15 markah]

DATA 1

Bahasa Maori [Austronesia:New Zealand]

- [i] ka hoatu te taurekareka ki te rangatira
AORIST diberi PEN hamba kepada PEN ketua kampung
'Hamba itu diberi kepada ketua kampong itu'
- [ii] e hoki ana au ki te kaainga
KINI pulang PROG saya ke PEN kampung
'Saya sedang pulang ke kampung itu.'

Dialek Melayu Kuching [Austronesia: Sarawak, Malaysia]

- [iii] Zamri bəsalut aər ujan
Zamri bertadah air hujan
'Zamri menadah air hujan'
- [iv] Udin niup dian ya
Udin meniup lilin itu
'Udin meniup lilin itu'

Bahasa Inuit [Eskimo: Greenicelandic Barat]

- [v] nanuq Piita-p tuqu-ta-a
beruang Piita-ERG bunuh-TR.PART-3S
'Seekor beruang polar dibunuh oleh Piita.'
- [vi] Miiqat Juuna ikiu-ssa-llu-gu
anak-kanak.ABS Juuna.ABS tolong-K.KINI-INF-3S
niriursui-pp-u-t
berjanji-IND-INTR-3P
'Kanak-kanak berjanji untuk menolong Juuna.'

Sumber: Shopen, T (1985), **Language Typology Vol II.** ms. 24-25,
London:Cambridge U. Press.
Salbiah Hasan (2004), **Morfologi Dialek Melayu Kuching.**
ms. 44, M.A Tesis USM.

3. Dengan menggunakan **DATA 2**, jawab semua soalan berikut:

[a] Nyatakan setiap morfem yang terlibat dan maksudnya.

[10 markah]

[b] Tentukan jenis morfologi bahasa-bahasa tersebut dan bincangkan asas pengklasifikasian anda.

[10 markah]

[c] Bincangkan permasalahan yang timbul dalam pengklasifikasian bahasa mengikut jenis morfologi.

[10 markah]

DATA 2

Bahasa Sepanyol

amigo	'kawan (lelaki)	amiga 'kawan (perempuan)'
amigos	'kawan-kawan (lelaki)'	amigas 'kawan-kawan (perempuan)'
mučačo	'budak (lelaki)'	mučačos 'budak-budak (lelaki)'
mučača	'budak (perempuan)'	mučačas 'budak-budak (perempuan)'

Bahasa Quiché

ki sikix le libir	'Saya membaca buku itu'
kusikix le libr	'Dia (lelaki) membaca buku itu'
kingwetamax le kem	'Saya belajar (cara) anyaman itu'
ši wetamax	'Saya telah belajar(nya).'

Bahasa Mandarin

wo mən	tan	tçin	
Saya banyak	main	piano	
'Kami bermain piano itu'			
wo mən	tan	tçin	le
Saya banyak	main	piano	telah
'Kami telah bermain piano'			

Sumber: Frommer dan Finegan (2004) **Looking at Languages**. ms. 14,
Massachusetts: Thomson & Wadsworth.

Language Files Ohio State University (1991). ms. 25, Ohio:
OSU Press.

...5/-

Bahagian B

SAMA ADA

4. Jawab [a] – [c].

Tatatingkat kecenderungan sistem kasus bahasa-bahasa adalah seperti berikut:

nominatif > akusatif-ergatif > genitif > datif > lokatif > ablatif-instrumental > lain

[a] Terjemahkan tatatingkat ini dalam bentuk penyataan kecenderungan.

[5 markah]

[b] Dari **DATA 3**, nyatakan jenis kasus yang boleh terdapat atau tidak terdapat dalam bahasa tersebut mengikut jangkaan tatatingkat kecenderungan di atas.

[15 markah]

[c] Bandingkan strategi penandaan kasus dalam bahasa-bahasa berikut dengan Bahasa Melayu.

[10 markah]

DATA 3

Bahasa Tagalog

[i] Si=Juan linutu niya ang=pansit
NOM=Juan PERF-masak-OV 3.S.GEN NOM=mee
'Juan, dia masak mee pansit itu'

Bahasa Basque

[ii] Gudari-ek elkar hiltzen zuten
Askar-askar-ERG RECIP.ABS bunuh AUX
'Askar-askar itu membunuh sesama mereka'

Bahasa Jepun

[iii] kono class-no dansei-ga yoku dekiru
ini kelas-GEN lelaki-NOM baik berupaya
'(Budak) lelaki kelas ini berupaya (mencapai kecemerlangan yang) baik.'

Sumber: Manning, C (1996) **Ergativity**. ms. 15, Stanford: CSLI

Song, N.S (1993) **Thematic Relations and Transitivity in English, Korean and Japanese**. ms. 33, Center of Korean Studies:UH
...6/-

ATAU

5. Jawab [a] hingga [d] dengan menggunakan **DATA 4**.

- [a] Bandingkan antara klausa komplemen dan klausa relatif dalam bahasa Melayu. Berikan contoh-contoh yang sesuai.

[10 markah]

- [b] Kenal pasti klausa relatif pada ayat-ayat bagi bahasa Belanda dan bahasa Malagasy dengan menggariskan klausa tersebut.

[5 markah]

- [c] Nyatakan strategi dan aturan konstituen yang digunakan oleh bahasa Belanda dan bahasa Malagasy untuk menyatakan klausa relatif mereka.

[10 markah]

- [d] Bincangkan dengan ringkas sama ada tipologi klausa relatif bahasa-bahasa di dunia melambangkan kesejagatan bahasa.

[5 markah]

DATA 4

Bahasa Belanda

- [i] ik klopte het huis
Saya beli (K. LEPAS) itu rumah
'Saya (sudah) membeli rumah itu.'
- [ii] dat is het huis dat ik pas heb geklopt
Itu ialah itu rumah REL saya telah ada beli
'Itu ialah rumah yang saya telah beli'

Bahasa Malagasy

- [iii] manasa ny lamba ny vehivavy
basuh itu baju itu wanita
'Wanita itu membasuh baju itu'
- [iv] mitomany ny vehivavy (izay) manasa ny lamba
menangis itu wanita REL basuh itu baju
'Wanita itu yang membasuh baju menangis'

Sumber: Shetter, W (1988) **Introduction to Dutch**. ms. 37, Leiden:
Nijhoff

Manning, C (1996) **Ergativity**. ms. 25, Stanford: CSLI